



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
ARAS 12C, 15, 16, 17, 18, 19 DAN 27  
MENARA DATO' ONN  
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)  
NO. 45, JALAN TUN ISMAIL  
50530 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-8000 8000 (1MOCC)  
03-4047 6000  
Faks : 03-4047 6142  
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my  
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Rujukan Kami : PTPK.BB.100-6/1 Jilid 2 ( 7 )  
Tarikh : 23 Ogos 2017

*Salam Kemahiran*

### Senarai Edaran Seperti Di Lampiran A

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

- i) LAPORAN PRESTASI KUTIPAN BAYARAN BALIK PINJAMAN MENGIKUT PENYEDIA LATIHAN (KEMAS KINI SEHINGGA 30 JUN 2017); DAN
- ii) KEMAS KINI MAKLUMAT PEMINJAM/ ALUMNI PELATIH DAN MAJLIS KONVOKESYEN PENYEDIA LATIHAN

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara seperti tersebut di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan sedia maklum, Mesyuarat Penyelarasan Di Antara PTPK dan FeMAC Bil.2/2017 pada 1 Ogos 2017 telah bersetuju dengan kriteria agihan peruntukan/ kuota pada tahun 2018, antaranya adalah seperti berikut:

- i. Prestasi Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Mengikut Penyedia Latihan (PL) hendaklah melebihi 35%; dan
- ii. Maklum balas PL terhadap Maklumat Peminjam/ Alumni Pelatih Dan Majlis Konvokesyen anjuran PL yang diminta oleh PTPK.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Laporan Prestasi Kutipan Bayaran Balik Pinjaman bagi PL YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan seperti di **Lampiran 1** untuk makluman dan rujukan sewajarnya.

4. Seperti mana yang dimaklumkan semasa mesyuarat tersebut, dalam usaha untuk meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman, PTPK memerlukan kerjasama daripada PL untuk mendapatkan Maklumat Peminjam PTPK yang telah menamatkan latihan yang pernah mengikuti latihan kemahiran di PL YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan/ Alumni pelatih. Dengan Maklumat Peminjam PTPK/ Alumni pelatih yang telah menamatkan latihan tersebut, PTPK akan dapat mengetahui maklumat pekerjaan peminjam selepas tamat latihan dan seterusnya memperoleh maklumat terkini peminjam. Maklumat ini sangat berguna dan diperlukan oleh PTPK bagi berurusan dengan peminjam dan menyalurkan maklumat berhubung pinjaman mereka dan seterusnya dapat mengatasi masalah notis dikembalikan ekoran daripada maklumat surat-menyurat peminjam dan penjamin yang tidak dikemaskini.

5. Selain itu, dalam usaha untuk meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman juga, PTPK memerlukan kerjasama daripada PL untuk mendapatkan maklumat berhubung tarikh Majlis Konvokesyen PL yang akan diadakan. PTPK memerlukan maklumat ini bagi tujuan mengaturkan taklimat kepada peminjam berhubung tanggungjawab supaya membayar balik pinjaman dan membuka kaunter penerangan/ bayaran balik pinjaman semasa di Majlis Konvokesyen yang PL YBhg. Datuk / Dato'/ Tuan/ Puan anjurkan atau mana-mana kaunter luar premis yang disertai oleh PTPK.

6. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon supaya dapat membantu PTPK dengan memberikan maklumat tambahan atau segala maklumat terkini berhubung Maklumat Peminjam PTPK/ Alumni pelatih yang telah menamatkan latihan dan Majlis Konvokesyen yang akan dianjurkan. Bersama-sama ini disertakan format bagi maklumat yang diperlukan seperti di **Lampiran 2** untuk rujukan dan tindakan selanjutnya. Maklumat yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada PTPK melalui mel elektronik kepada pegawai-pegawai seperti berikut:

- i. Puan Mek Eshah binti Awang: [ppd@ptpk.gov.my](mailto:ppd@ptpk.gov.my); atau
- ii. Puan Samila binti Kadir: [samila@ptpk.gov.my](mailto:samila@ptpk.gov.my); atau
- iii. Puan Norzihan binti Hamidin: [norzihan@ptpk.gov.my](mailto:norzihan@ptpk.gov.my)

7. Kerjasama YBhg. Datuk/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon supaya dapat memberikan maklumat ini sebelum atau pada **8 September 2017**.

8. Sekiranya YBhg. Datuk/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berhubung perkara ini bolehlah menghubungi Puan Mek Eshah binti Awang di talian telefon 03-4047 6027 atau Puan Samila binti Kadir di talian 03-4047 6040 atau Puan Norzihan binti Hamidin di talian 03-4047 6039.

9. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi"***



**(DATO' ABDUL HALIM BIN MUHAMAD SALLEH)**  
Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia